

# BACTROBAN CREAM

Mupirocin (2% w/w)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Bactroban
2. Bagaimana Bactroban berfungsi
3. Sebelum mengambil Bactroban
4. Cara menggunakan Bactroban
5. Semasa menggunakan Bactroban
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Bactroban
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Bactroban

Krim Bactroban digunakan untuk merawat jangkitan kulit dijangkiti oleh bakteria, disebabkan oleh kesakitan kecil, lukasutered atau lecet.

## Bagaimana Bactroban berfungsi

Bactroban adalah krim antibiotik untuk kegunaan pada kulit anda sahaja.

## Sebelum mengambil Bactroban

- Bila tidak boleh mengambil

Jika anda alah (hipersensitif) kepada mupirosin atau mana-mana bahan kandungan lain Bactroban.

Jika anda rasa anda mungkin alah ataupun ada tanda-tanda alahan, jangan guna Bactroban sehingga anda merujuk kepada doktor anda.

- Sebelum mula mengambil

Bactroban boleh menyebabkan kerengsaan kulit dan tindak balas alergi.

Beritahu doktor jika anda hamil, anda rasa mungkin hamil atau jika anda merancang untuk hamil. Jangan gunakan krim Bactroban apabila hamil melainkan doktor memberitahu anda.

Resapan ubat ini ke dalam susu ibu masih tidak diketahui. Beritahu doktor jika anda sedang menyusukan bayi anda.

Jika anda menggunakan Bactroban pada puting merekah, basuh dengan teliti sebelum penyusuan susu ibu.

Krim Bactroban tidak sesuai untuk penggunaan pada mata dan dalam hidung. Jauhkan krim ini daripada mata. Jika krim terkena mata anda secara tidak sengaja, basuhkan mata anda dengan air bersih yang banyak.

Jangan gunakan krim ini dalam hidung anda.

Sekiranya berlaku cirit-birit yang berpanjangan atau ketara, atau jika anda mengalami kekejangan abdomen, hentikan kegunaan krim Bactroban ini dengan segera dan beritahu doktor anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain, jika anda telah mengambil ubat lain baru-baru ini, atau jika anda mula mengambil ubat yang baru. Ini termasuk ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan Bactroban

- Berapa banyak harus digunakan

Guna Bactroban seperti yang diarahkan oleh doktor. Sapukan sedikit Bactroban pada kawasan yang terlibat. Selepas anda menyapu krim pada kawasan ini, ia boleh ditutup dengan pembalut steril atau pembalut kasa, melainkan doktor anda memberitahu anda untuk meninggalkannya terdedah.

- Bila perlu digunakan

Anda perlu menyapu krim di kawasan yang terlibat sebanyak tiga kali sehari sehingga sepuluh hari.

- Berapa lama perlu digunakan

Penggunaan Bactroban dalam tempoh yang disarankan adalah penting. Jangan berhenti awal kerana simptom-simptom anda mungkin lega sebelum jangkitan itu dibasmi sepenuhnya.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda lupa untuk menggunakan krim anda, sapukan ubat ini sebaik sahaja anda teringat dan sapu dos berikutnya pada waktu biasa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Mengelap krim berlebihan dengan berhati-hati. Masalah dos berlebihan dengan ubat ini sangat jarang berlaku.

Jika anda tertelan Bactroban, hubungi doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

## Semasa menggunakan

### Bactroban

#### - Perkara yang perlu dilakukan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini dan gunakannya seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini telah dipreskripsikan untuk anda. Jangan berikannya kepada pesakit lain. Ia boleh menjejaskan kesihatan mereka, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan kegunaan Bactroban dan beritahu doctor jika anda mengalami tindak balas alahan (seperti ruam, kesakitan atau pembengkakan) semasa menggunakan krim Bactroban.

Krim Bactroban tidak harus dicampurkan dengan losyen, krim atau salap lain. Ini boleh mencairkan Bactroban dan menjejaskan rawatan.

### Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Bactroban boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mengalaminya.

#### Syarat-syarat yang anda perlu tahu

#### Reaksi alahan yang teruk

Kesan ini sangat jarang untuk orang yang mengambil Bactroban. Tanda-tanda termasuk:

- Ruam kulit yang gatal
- Bengkak, kadang-kadang pada muka atau mulut, menyebabkan kesukaran bernafas
- Penganan atau kehilangan kesedaran

Hubungi doktor dengan segera jika anda mendapat gejala-gejala tersebut. Berhenti menggunakan Bactroban.

Bactroban boleh menyebabkan kerengsaan kulit dan tindak balas alergi.

Jika anda mendapat kerengsaan kulit, berhenti menggunakan Bactroban. Lapkan sebarang krim dan beritahu doktor anda secepat mungkin.

#### Kesan sampingan yang biasa

Ini boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10 orang:

- Gatal-gatal, kemerahan dan kepedihan pada kulit.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika mana-mana kesan sampingan yang disenaraikan menjadi teruk atau bermasalah, atau jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

### Cara penyimpanan dan pelupusan Bactroban

#### - Penyimpanan

Simpan tiub Bactroban anda pada suhu bilik (di bawah 25°C) di tempat yang kering. Jangan bekukan. Jauhkan ubat ini daripada kanak-kanak - almari berkunci adalah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat. Jangan gunakan Bactroban selepas tarikh luput ditunjukkan pada pek. Lupuskan baki

Bactroban selepas tempoh rawatan tamat.

#### - Pelupusan

Ubat ini tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila merujuk kepada ahli farmasi anda tentang cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

### Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Bactroban adalah krim berwarna putih dalam tiub serbaguna untuk kegunaan luaran .

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Mupirocin calcium

- Bahan tidak aktif  
Xanthan gum, liquid paraffin, cetomacrogol 1000, stearyl alcohol, cetyl alcohol, phenoxyethanol, benzyl alcohol, and purified water.

#### - Nombor MAL

MAL19991703ARZ

### Pengilang

SmithKline Beecham  
Don Celso Tuason Avenue,  
Cainta, Rizal,  
Philippines

### Pemegang Pendaftaran Produk

GlaxoSmithKline  
Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
Level 6, Quill 9,  
112 Jalan Semangat,  
46300 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia

### Tarikh kemaskini RiMUP

12/12/2017

### Nombor siri

NPRA(R4/1)121217/00352